

## UPM Terima Kunjungan 132 Belia Komanwel



Belia komanwel ingin mencuba untuk mengacau dodol di Bukit Ekspo UPM

**SERDANG, 19 Jun** – Seramai 132 belia dari 27 buah negara Komanwel berkunjung ke Universiti Putra Malaysia (UPM) sempena Persidangan Menteri – Menteri Pelajaran Negara Komanwel ke-17 baru-baru ini.

Kunjungan tersebut bertujuan untuk menunjukkan belia terlibat tentang sistem pengajian, suasana kampus dan kemudahan di UPM seperti Perpustakaan Sultan Abdul Samad serta mengenali budaya tempatan.

Pengarah Bahagian Antarabangsa, Prof. Madya Dr. Zelina Zaiton Ibrahim telah memberi talkimat dan mengendalikan soal jawab mengenai program pra siswazah dan pasca siswazah di UPM.

Naib Canselor UPM, Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah ketika merasmikan lawatan tersebut di Panggung Percubaan UPM berkata UPM menjadi pilihan ideal kepada pelajar luar negara kerana kedudukannya yang strategik dengan Multimedia Super Corridor (MSC) di Cyberjaya dan status Putrajaya sebagai bandar bertenologi tinggi.

Delegasi dari Swaziland, Flora Siswati berkata lawatan tersebut merupakan pengalaman pertamanya ke Malaysia dan menyifatkan negara ini sungguh menarik untuk dikunjungi oleh pelancong.

"Kepelbagaiannya spesies flora dan fauna di UPM sungguh tenang dan menyegarkan mata memandang," katanya.

Seorang peserta New Zealand, David Archunorist pula berpendapat daya tarikan UPM yang penuh dengan keindahan alam semula jadi berbanding dengan universiti luar negara lain merupakan kelebihan untuk menarik pelajar luar negara.

Selain budaya tempatan yang dipertontonkan iaitu tarian pelajar oleh kumpulan Adi Mastuli dan Putra Kalakshetra, pelawat juga ditaruh dengan juadah tempatan hasil produk UPM seperti dodol, ketupat, sate dan buah-buahan tempatan.

Kebanyakan belia komanwel tertarik dengan aktiviti yang disediakan oleh UPM dan tidak melepaskan peluang untuk mengacau dodol dan memuji keenakan buah-buahan yang terdapat di UPM selain bermain congkak.



Delegasi komanwel dari Asia timur khususnya membaca akhbar Tribun Putra UPM

Berita ini ditulis oleh Seksyen Media dan Publisiti.